

# Hayati slogan Keluarga Malaysia pupuk persefahaman

Farouq Fuad,  
Jabatan Perdana  
Menteri

**Keharmonian** sosial dalam kalangan rakyat Malaysia dapat dicapai sekiranya satu daripada prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan diingati serta diamalkan. Tidak dinafikan kepelbagaian bangsa dan agama menyukarkan proses persefahaman sesama kita, namun itu bukanlah sesuatu yang mustahil.

Kesopanan perlu ditonjolkan oleh seseorang individu melalui percakapan, perbuatan dan segala reaksi yang diterima baik dan disenangi oleh masyarakat secara umum.

Justeru, walaupun masyarakat kita datang dengan kepelbagaian bangsa dan agama, persefahaman serta perasaan saling hormat-menghormati tetap wujud dan dipegang erat.

Seharusnya kita percaya bahawa arus kemodernan mempengaruhi budaya rakyat Malaysia yang bercampur-baur dengan pelbagai norma dan gaya kehidupan baharu. Namun, kadangkala adab ketimuran yang dikendong sejak kecil sudah mulai luntur dek kerana ingin meraih populariti di media sosial. Malah, bagi mendapat perhatian masyarakat ada yang sanggup mempertaruhkan har-

ga diri demi mengejar kekayaan dunia sementara.

Natijahnya, pihak yang tidak berpuas hati akan mengecam dan menyindir dengan menggunakan bahasa kurang menyenangkan lain dimuat naik di media sosial. Ada kala penggunaan bahasanya tidak melambangkan peradaban masyarakat intelek.

Wujud juga dalam kalangan rakyat Malaysia yang sanggup memalukan diri sendiri demi mengejar pengikut di Instagram dan Tik Tok. Sudah tentu ini bukanlah sesuatu yang menyenangkan untuk ditonton tambahan lagi oleh kanak-kanak. Aksi dan gaya tidak sesuai itu berisiko ditiru oleh kanak-kanak yang boleh memberi impak negatif terhadap proses pembelajaran mereka.

Slogan Keluarga Malaysia seharusnya dihayati dengan sebaiknya. Malah, ia boleh menjadi tonggak asas untuk kita menegur di antara satu sama lain demi kebaikan dan memperkasa taraf sosial bersama seperti sebuah keluarga yang prihatin. Kesopanan dan kesusilaan adalah amalan nenek moyang yang tidak seharusnya dibiarkan untuk terus bersemadi dalam lipatan sejarah tanpa dihargai serta dihayati oleh generasi kini.



*Keharmonian dalam masyarakat dapat dipertingkatkan jika rakyat amalkan persefahaman serta saling hormat-menghormati antara kaum.*

(Foto hiasan)